

yang telah disediakan.

- 4.2.5 Penggunaan kaedah yang telah dihuraikan di perenggan 4.2.1. juga bergantung kepada jenis kerja dan maklumat kos yang ada. Sekiranya maklumat kos tidak ada untuk membolehkan penggunaan kaedah unit hasil terakhir, kaedah kuantiti hampir sahaja merupakan pilihan untuk menyediakan anggaran, misalnya bagi kerja-kerja ubah suai atau naik taraf. Dalam penyediaan anggaran kos bagi projek binaan, penggabungan kedua-dua kaedah ini sering digunakan; kaedah unit hasil terakhir bagi bangunan dan kaedah kuantiti hampir untuk kerja-kerja luar.

4.3 Sumber-sumber Maklumat Kos

4.3.1 Jadual Kadar Harga Kerja-Kerja Kecil Dan Memperbaiki

Digunakan untuk perkiraan kos kerja undi (kerja memperbaiki yang tidak mengubah struktur asal dan nilainya tidak melebihi RM100,000). Tambahan peratusan hendaklah digunakan sekiranya kerja dilaksanakan di luar Kuala Lumpur. Jadual Kadar Harga Kerja-Kerja Kecil Dan Memperbaiki ini dikemaskini setiap dua tahun (mengikut Arahan Perbendaharaan 179) dan mendapat kelulusan Kementerian Kewangan sebelum diedarkan.

4.3.2 Jadual Kadar Harga Kerja-Kerja Pukal

Merupakan sebahagian daripada kontrak berasaskan lukisan dan spesifikasi. Jadual Kadar Harga Kerja-Kerja Pukal digunakan sebagai panduan untuk anggaran bagi projek bangunan yang berasaskan lukisan dan spesifikasi. Jadual Kadar Harga ini digunakan sebagai asas dalam penilaian perubahan kerja. Pengemaskinian dilakukan setiap dua tahun.

4.3.3 Buku Kos Purata Semester Persegi Kerja-kerja Pembinaan Bangunan

Merupakan maklumat kos yang diperolehi daripada pelan piawai. Data-data kos diperolehi dari Cabutan Butir-butir Selepas Tender (*As Tendered Detailed Abstract*